



**Maybank Go Global Campaign for Global Access Account-i ("Kempen")
Terma & Syarat**

1. Kempen ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran: 200701029411 (787435-M)) (selepas ini secara bersama dirujuk sebagai "**Maybank**") dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2.1 di sini) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma & syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Kempen ini bermula dari 1 Julai 2026 pada 12:00 pagi MYT hingga 31 Disember 2026 pada 11:59 tengah malam MYT, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").

2. Kelayakan

2.1 *Pemegang Akaun: -

- a) terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan ke atas;
- b) yang mempunyai akaun baharu atau sedia ada ****Maybank Global Access Account-i (GAA-i) ("Akaun GAA-i")** (yang terdiri daripada pemegang individu);
- c) yang Akaunnya tidak digantung atau ditamatkan oleh Maybank. Akaun dorman tidak akan dipertimbangkan; dan
- d) yang tidak melanggar sebarang perjanjian dengan Maybank.

layak untuk menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan Yang Layak**").

*Termasuk semua kakitangan Maybank.

**** Maybank merupakan ahli PIDM. Akaun GAA-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

3. Mekanisme dan Syarat Kempen

- 3.1 Kriteria Penyertaan Kempen yang wajib dipenuhi adalah Pelanggan yang Layak mestilah mempunyai Akaun GAA-i sedia ada atau baharu.
- 3.2 Pelanggan Yang Layak yang telah memenuhi Kriteria Penyertaan Kempen dan memenuhi keperluan masing-masing bagi satu atau lebih "**Kriteria Kelayakan**" berikut akan layak memperoleh penyertaan untuk Ganjaran Kempen:



NO	KRITERIA KELAYAKAN	KEPERLUAN BAGI BULAN TERSEBUT	PENYERTAAN
1	AKAUN GAA-i BAHARU [Produk Utama] Rujuk Klausula 3.3.	<u>Pembukaan Akaun dalam MYR</u> - Buka Akaun GAA-i melalui aplikasi MAE. - Jumlah minimum untuk membuka akaun ialah MYR50.	10
2	PENAMBAHAN DEPOSIT [Penyertaan Tambahan] Rujuk Klausula 3.4.	<u>Peningkatan Deposit dalam MYR</u> - Penambahan Baki Harian Purata ("ADB") dalam Akaun GAA-i bagi bulan tersebut. - Minimum penambahan ADB sebanyak MYR500 untuk melayakkan diri memperoleh penyertaan. - Minimum Baki Akhir Bulan ("MEB") sebanyak MYR500. <u>Peningkatan Deposit dalam Mata Wang Asing (FC)</u> - Penambahan Baki Harian Purata ("ADB") Mata Wang Asing (bersamaan dalam MYR) dalam Akaun GAA-i bagi bulan tersebut. - Minimum penambahan ADB Mata Wang Asing bersamaan MYR500 untuk melayakkan diri mendapat penyertaan. - Minimum Baki Akhir Bulan ("MEB") Mata Wang Asing bersamaan MYR500.	5 - 60
3	PENUKARAN MATA WANG ASING [Penyertaan Tambahan] Rujuk Klausula 3.5.	<u>Penukaran daripada MYR kepada 17 mata wang asing yang layak:</u> - Penyertaan adalah berdasarkan jumlah terkumpul nilai penukaran dalam MYR bagi bulan tersebut. - Minimum jumlah terkumpul nilai penukaran dalam MYR sebanyak MYR1,000 untuk melayakkan diri memperoleh penyertaan.	10 - 100
4	PERBELANJAAN KAD DEBIT [Penyertaan Tambahan] Rujuk Klausula 3.6.	<u>Pengaktifan Kad Debit GAA-i</u> Perbelanjaan dalam Ringgit Malaysia (" MYR ") dan Mata Wang Asing (" FC ")	10
		<u>Perbelanjaan dalam Ringgit Malaysia ("MYR") dan Mata Wang Asing ("FC")</u> Jumlah terkumpul perbelanjaan menggunakan kad debit sebanyak MYR200 dan ke atas bagi bulan tersebut.	20
		<u>Perbelanjaan dalam Ringgit Malaysia ("MYR") dan Mata Wang Asing ("FC")</u> Jumlah terkumpul perbelanjaan menggunakan kad debit sebanyak MYR1,000 dan ke atas bagi bulan tersebut.	40



3.3 Kriteria Akaun GAA-i Baharu [Produk Utama]

Untuk layak di bawah kriteria Akaun GAA-i Baharu, Pelanggan yang Layak hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Membuka Akaun GAA-i melalui aplikasi MAE;
- Mestilah merupakan pelanggan sedia ada Maybank yang merupakan warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ke atas serta mempunyai akaun semasa atau simpanan konvensional yang aktif, atau akaun semasa atau simpanan Islamik yang aktif, atau akaun pelaburan yang aktif; dan
 - Jumlah minimum untuk membuka akaun ialah MYR50.
- b) Contoh penyertaan yang akan diperoleh bagi bulan berkenaan:

Pembukaan Akaun Baharu	Kelayakan	Penyertaan
Akaun GAA-i baharu dibuka melalui aplikasi MAE dan deposit MYR50	Ya	10
Akaun GAA-i baharu dibuka melalui aplikasi MAE dan deposit MYR0	Tidak	0

Nota: Akaun GAA-i hanya boleh dibuka melalui aplikasi MAE. Permohonan melalui cawangan tidak disediakan.

3.4 Kriteria Peningkatan Deposit [Penyertaan Tambahan]

Untuk layak di bawah kriteria Peningkatan Deposit, Pelanggan yang Layak hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) Peningkatan Deposit dalam MYR
- i. Minimum pertumbuhan Baki Harian Purata ("**ADB**") sebanyak MYR500 dan Baki Akhir Bulan ("**MEB**") minimum sebanyak MYR500 bagi bulan tersebut.
 - ii. Contoh penyertaan yang akan diperoleh bagi bulan berkenaan:

Peningkatan Deposit (MYR) [Pertumbuhan ADB]	Penyertaan
ADB MYR500 – MYR5,000	5
ADB >MYR5,000 – MYR25,000	20
ADB >MYR25,000 – MYR50,000	40
ADB >MYR50,000	60



iii. Scenario Kelayakan

Senario Kelayakan	Kelayakan	Penyertaan
Seorang pelanggan meletakkan RM500 ke dalam akaun GAA-i pada 1 Julai 2026 dan mengekalkan baki minimum RM500 dalam akaun tersebut sehingga 31 Julai 2026.	Ya	5
Seorang pelanggan meletakkan RM10,000 ke dalam akaun GAA-i pada 1 Julai 2026 dan mengekalkan baki minimum RM10,000 dalam akaun tersebut sehingga 31 Julai 2026.	Ya	20
Seorang pelanggan meletakkan RM500 ke dalam akaun GAA-i pada 1 Julai 2026 dan mengeluarkan keseluruhan jumlah RM500 pada 25 Julai 2026.	Tidak	0

b) Peningkatan Deposit dalam Mata Wang Asing (FC)

- Minimum pertumbuhan ADB mata wang asing bersamaan MYR500 dan baki minimum MEB mata wang asing bersamaan MYR500 bagi bulan tersebut.
- Contoh penyertaan yang akan diperolehi bagi bulan berkenaan:

Peningkatan Deposit Mata Wang Asing (bersamaan MYR) [Pertumbuhan ADB]	Penyertaan
ADB MYR500 – MYR5,000	5
ADB >MYR5,000 – MYR25,000	20
ADB >MYR25,000 – MYR50,000	40
ADB >MYR50,000	60

Scenario Kelayakan

Senario Kelayakan	Kelayakan	Penyertaan
Seorang pelanggan meletakkan jumlah mata wang asing (FC) bersamaan RM500 ke dalam akaun GAA-i pada 1 Julai 2026 dan mengekalkan baki minimum bersamaan RM500 dalam akaun tersebut sehingga 31 Julai 2026.	Ya	5
Seorang pelanggan meletakkan jumlah mata wang asing (FC) bersamaan RM10,000 ke dalam akaun GAA-i pada 1 Julai 2026 dan mengekalkan baki minimum bersamaan RM10,000 dalam akaun tersebut sehingga 31 Julai 2026.	Ya	20



Seorang pelanggan meletakkan jumlah mata wang asing (FC) bersamaan RM500 ke dalam akaun GAA-i pada 1 Julai 2026 dan mengeluarkan keseluruhan jumlah bersamaan RM500 pada 25 Julai 2026.	Tidak	0
---	--------------	----------

- i. Pertumbuhan ADB dalam Akaun merujuk kepada perbezaan ADB bagi bulan tersebut berbanding ADB dalam Akaun bagi bulan sebelumnya (*Moving Baseline*).
- ii. Definisi "*Moving Baseline*" adalah seperti berikut::

NO	JENIS AKAUN	MOVING BASELINE (MYR)														
1	Akaun Baharu	Moving Baseline adalah MYR 0.														
2	Akaun Sedia Ada	Moving Baseline adalah ADB bulan sebelumnya. Contoh: <table><tr><th>Bulan</th><th>ADB Baseline Bulan</th></tr><tr><td>Julai'26</td><td>Jun'26</td></tr><tr><td>Ogos26</td><td>Julai'26</td></tr><tr><td>September'26</td><td>Ogos'26</td></tr><tr><td>Oktober'26</td><td>September'26</td></tr><tr><td>November'26</td><td>Oktober'26</td></tr><tr><td>Disember'26</td><td>November'26</td></tr></table>	Bulan	ADB Baseline Bulan	Julai'26	Jun'26	Ogos26	Julai'26	September'26	Ogos'26	Oktober'26	September'26	November'26	Oktober'26	Disember'26	November'26
Bulan	ADB Baseline Bulan															
Julai'26	Jun'26															
Ogos26	Julai'26															
September'26	Ogos'26															
Oktober'26	September'26															
November'26	Oktober'26															
Disember'26	November'26															

- iii. Pertumbuhan ADB dikira berdasarkan bulan kalendar seperti berikut:

NO	JENIS PELANGGAN	BUTIRAN						
1	Akaun GAA-i Baharu (bulan pertama pembukaan akaun)	Penambahan ADB dikira seperti berikut: <table> <tr> <td>Jumlah baki hujung hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga hujung bulan</td><td>Tolak</td><td>Baseline</td></tr> <tr> <td>Bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga hujung bulan</td><td>(-)</td><td></td></tr> </table> Contoh: Seorang pelanggan membuka akaun GAA-i pada 10 Julai 2026 dan melakukan transaksi berikut: - Mengekalkan baki sebanyak RM500 dari 10 Julai hingga 20 Julai 2026 (11 hari) - Mengekalkan baki sebanyak RM1,000 dari 21 Julai hingga 31 Julai 2026 (11 hari)	Jumlah baki hujung hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga hujung bulan	Tolak	Baseline	Bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga hujung bulan	(-)	
Jumlah baki hujung hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga hujung bulan	Tolak	Baseline						
Bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga hujung bulan	(-)							



		Jumlah bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga akhir bulan adalah 22 hari. Pengiraan: Jumlah baki harian pada akhir hari: $(RM500 \times 11 \text{ hari}) = RM5,500+$ $(RM1,000 \times 11 \text{ hari}) = RM11,000$ $\text{Jumlah} = RM16,500$ Baki Purata Harian ("BPH"): ADB = $RM16,500 \div 22 \text{ hari} = RM750$ <i>Baseline:</i> RM0 (terpakai untuk akaun baharu) Penambahan Baki Purata Harian ("BPH"): $RM750 - RM0 = RM750$						
2	Akaun GAA-i Sedia Ada (bulan ke-2 dan seterusnya)	Pertumbuhan ADB dikira seperti berikut: <table border="1"> <tr> <td>Jumlah baki hujung hari dalam bulan berkenaan</td> <td>Tolak</td> <td><i>Baseline</i></td> </tr> <tr> <td>Bilangan hari dalam bulan tersebut</td> <td>(-)</td> <td></td> </tr> </table> Contoh: Bagi bulan Ogos 2026 (31 hari), pelanggan yang sama mengekalkan baki harian sebanyak RM1,000 sepanjang bulan tersebut. Baseline (ADB bulan sebelumnya, iaitu Julai 2026) adalah RM750 Pengiraan: Jumlah baki harian pada akhir hari: $RM1,000 \times 31 \text{ hari} = RM31,000$ Baki Purata Harian ("BPH"): ADB = $RM31,000 \div 31 \text{ hari} = RM1,000$ <i>Baseline:</i> RM750 (ADB bulan sebelumnya) Penambahan Baki Purata Harian ("BPH"): $RM1,000 - RM750 = RM250$ BPH bagi bulan tersebut = RM250	Jumlah baki hujung hari dalam bulan berkenaan	Tolak	<i>Baseline</i>	Bilangan hari dalam bulan tersebut	(-)	
Jumlah baki hujung hari dalam bulan berkenaan	Tolak	<i>Baseline</i>						
Bilangan hari dalam bulan tersebut	(-)							



3.5 Foreign Penukaran Mata Wang Asing [Penyertaan Tambahan]

Untuk layak bagi Penukaran Mata Wang Asing, Pelanggan yang Layak hendaklah memenuhi syarat berikut:

- a) Membuat penukaran mata wang daripada mata wang asas MYR kepada mana-mana 17 mata wang asing yang layak melalui Global Access di aplikasi MAE.
- b) Senarai mata wang yang layak adalah seperti berikut:

No	Mata Wang Asas	Kod	No	Mata Wang Asas	Kod
1	Ringgit Malaysia	MYR	10	Krone Norway	NOK
			11	Riyal Qatar	QAR
			12	Riyal Arab Saudi	SAR
			13	Dolar Singapura	SGD
			14	Pound Sterling	GBP
			15	Krona Sweden	SEK
			16	Swiss Franc	CHF
			17	Dolar Amerika Syarikat	USD
No	Mata Wang Asas	Kod			
1	Dolar Emiriah Arab Bersatu	AED			
2	Dolar Australia	AUD			
3	Dolar Brunei	BND			
4	Dolar Kanad	CAD			
5	Krone Denmark	DKK			
6	Euro	EUR			
7	Dolar Hong Kong	HKD			
8	Yen Jepun	JPY			
9	Dolar New Zealand	NZD			

- c) Jumlah minimum pertukaran mata wang terkumpul hendaklah bersamaan nilai MYR1,000 untuk layak menerima penyertaan bagi bulan tersebut.
- d) Contoh penyertaan yang akan diperoleh bagi bulan berkenaan:

Penukaran Mata Wang Asing (bersamaan MYR)	Penyertaan
MYR1,000 – MYR5,000	10
>MYR5,000 – MYR25,000	25
>MYR25,000 – MYR50,000	50
>MYR50,000	100

Nota: Penukaran Mata Wang Asing Global Access hanya boleh dilakukan melalui aplikasi MAE..

3.6 Perbelanjaan Kad Debit [Penyertaan Tambahan]

Untuk layak bagi Perbelanjaan Kad Debit, Pelanggan yang Layak hendaklah memenuhi syarat berikut:



- a) Mengaktifkan Kad Debit Maybank Global Access MasterCard World (Kad Debit GAA-i) dalam tempoh kempen untuk memperoleh 10 penyertaan.

Kad Debit Maybank Global Access MasterCard World	Penyertaan
Pengaktifan Kad Debit GAA-i	10

- b) Perbelanjaan terkumpul menggunakan Kad Debit Maybank Global Access MasterCard World untuk transaksi runcit bagi bulan tersebut.

- c) Spend Perbelanjaan dalam Ringgit Malaysia ("MYR") dan Mata Wang Asing ("FC"):
- Minimum perbelanjaan terkumpul MYR dan MYR bersamaan ialah MYR200 dan ke atas untuk layak menerima penyertaan bagi bulan tersebut.
 - Contoh penyertaan yang akan diperoleh bagi bulan berkenaan:

Perbelanjaan Kad Debit (MYR dan Bersamaan MYR)	Penyertaan
Perbelanjaan menggunakan MYR dan FC - Perbelanjaan terkumpul MYR200 & ke atas	20

- Minimum perbelanjaan terkumpul MYR dan bersamaan MYR sebanyak MYR1,000 & ke atas untuk layak menerima penyertaan bagi bulan tersebut.
- Contoh penyertaan yang akan diperoleh bagi bulan berkenaan:

Perbelanjaan Kad Debit (MYR & Bersamaan MYR)	Penyertaan
Perbelanjaan menggunakan FC - Perbelanjaan terkumpul bersamaan MYR500 & ke atas	40

- d) Pelanggan yang Layak mesti mempunyai Kad Debit Maybank Global Access MasterCard World yang sah dan aktif serta kekal menyertai Kempen sehingga tamat Tempoh Kempen.
- e) Bagi tujuan Kempen ini, "transaksi runcit" merujuk kepada pembelian barangan atau perkhidmatan (dalam atau luar negara) menggunakan Kad Debit Maybank Global Access MasterCard World.
- f) Amaun bersamaan dalam MYR akan digunakan sekiranya perbelanjaan dibuat dalam mata wang asing. Maybank berhak menentukan kadar pertukaran yang digunakan untuk mendapatkan nilai bersamaan MYR.
- g) Transaksi menggunakan mana-mana Kad Debit Maybank lain yang tidak menyertai kempen tidak akan diambil kira.
- h) Maybank akan menggunakan tarikh transaksi direkodkan dalam akaun kad Pelanggan yang Layak untuk mengira jumlah perbelanjaan minimum



4. Pendaftaran Kempen dan Ganjaran

4.1 Pendaftaran Kempen

- 4.1.1 Peserta yang Layak mesti mendaftar penyertaan dalam Kempen ini secara sekali sahaja dalam Tempoh Kempen.
- 4.1.2 Pendaftaran Kempen boleh dibuat dengan mendepositkan RM22.22 ("Amaun Deposit Ditetapkan") ke dalam GAA-i untuk mendaftar bagi Kempen ini.
- 4.1.3 Hanya deposit tepat sebanyak RM22.22 akan dianggap sebagai pendaftaran sah dan melayakkan Peserta yang Layak menerima Hadiah Kempen (seperti yang ditakrifkan di 4.2).
- 4.1.4 Amaun deposit yang lebih tinggi atau lebih rendah daripada Amaun Deposit Ditetapkan tidak akan dianggap sebagai pendaftaran sah.
- 4.1.5 Sekiranya Peserta yang Layak mendaftar lebih daripada sekali, Maybank hanya akan menerima pendaftaran pertama dari 1 Julai ke 31 Disember 2026 sebagai rekod rasmi.

4.2 Ganjaran Kempen:

a) Kategori: Ganjaran Utama

Jenis Hadiah	Nilai	Nombor Pemenang
Hadiah Utama: Baucar Perjalanan Premium	RM20,000 setiap pemenang	1
Hadiah Kedua: Macbook Neo 13 Inci 256GB	RM2,500 setiap satu	12
Hadiah Ketiga: Wang Tunai RM1,000	RM1,000 setiap pemenang	50

b) Kategori: Hadiah Saguhati

Jenis Hadiah	Nilai	Nombor Pemenang
Wang Tunai RM500	MYR500	110

4.3 Hadiah Utama: Baucar Perjalanan Premium

- i. Destinasi perjalanan hanya boleh dipilih daripada salah satu daripada 18 negara mata wang GAA-i seperti berikut:

No	Mata Wang Asing
1	Malaysia
2	Australia



3	Brunei
4	Canada
5	Denmark
6	Europah
7	Hong Kong
8	Jepun
9	New Zealand
10	Norway
11	Qatar
12	Arab Saudi
13	Singapura
14	United Kingdom
15	Sweden
16	Switzerland
17	Emiriah Arab Bersatu
18	Amerika Syarikat

4.4 Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak memenangi satu (1) hadiah sahaja. Contohnya:

- a) Jika Pelanggan yang Layak memenangi Ganjaran Utama, Pelanggan yang Layak tersebut tidak layak untuk Hadiah Saguhati; Atau
- b) Jika Pelanggan yang Layak telah memenangi Hadiah Utama, Pelanggan yang Layak tersebut tidak lagi layak untuk memenangi Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga.

4.5 Pengagihan Hadiah Kempen:

- a) Pemenang akan dipilih melalui cabutan rawak 1 bulan selepas tamat Tempoh Kempen iaitu pada 31 Februari 2027. Hadiah akan diagihkan dalam tempoh 3 bulan selepas cabutan dibuat.
- b) Akaun penyertaan pemenang mesti aktif untuk tujuan penyerahan hadiah.
- c) Sebarang hadiah pulangan tunai akan terbatal selepas tiga (3) percubaan kredit yang gagal.
- d) Selepas penyerahan, Maybank tidak lagi bertanggungjawab ke atas penggunaan hadiah.
- e) Maybank berhak menggantikan hadiah (nilai ditentukan oleh Maybank) atas apa-apa sebab yang munasabah dengan notis 21 hari kalendar.
- f) Pemenang bersetuju bahawa Bank boleh berkongsi maklumat perhubungan mereka dengan vendor untuk tujuan penyerahan hadiah.
- g) Hadiah diberikan "seadanya" dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar dan tertakluk kepada Terma & Syarat.



- h) Pemenang bertanggungjawab memastikan maklumat perhubungan adalah tepat dan terkini. Hadiah akan terbatal jika pemenang tidak dapat dihubungi.
- i) Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh notifikasi oleh Bank (contohnya melalui panggilan telefon, e-mel, aplikasi MAE atau apa-apa kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank). Sebagai contoh, pemenang yang dimaklumkan pada Mac 2027 hendaklah menuntut hadiah mereka dalam tempoh tiga (3) bulan selepas notifikasi tersebut iaitu sebelum Jun 2027. Pemenang yang gagal menuntut hadiah dalam tempoh masa yang ditetapkan akan hilang kelayakan dan dianggap telah melepaskan hak mereka. Tuntutan lewat tidak akan dilayan oleh Bank.
- j) Butiran penyerahan hadiah:

Hadiah Tunai

- i. Akan dikreditkan ke dalam akaun GAA-i pemenang dalam masa 21 hari bekerja selepas pengumuman pemenang.
- ii. Pemenang dinasihatkan untuk memastikan akaun mereka kekal aktif sepanjang tempoh penyerahan hadiah. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan pengkreditan hadiah akibat akaun yang tidak aktif atau digantung.

Hadiah Bukan Tunai (contoh: baucar)

- i. Hadiah bukan tunai akan dimaklumkan oleh vendor yang dilantik dan berdaftar dengan Bank kepada Pemenang. Apabila hadiah telah tersedia, pihak vendor akan menghubungi Pemenang untuk mengatur langkah seterusnya.
- ii. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan pengambilan oleh pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis yang sah. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan penyerahan atau pelucutan hadiah yang berpunca daripada maklumat pelanggan yang tidak tepat atau tidak dikemas kini, atau kegagalan Pemenang untuk memberi maklum balas dalam tempoh pengambilan yang telah ditetapkan di atas.

- 4.6 Pemenang mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain, dari semasa ke semasa apabila diperlukan, dan pemenang bersetuju dengan sebarang pendedahan mengenainya dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain boleh menyebabkan pelucutan hak ke atas Hadiah Kempen.
- 4.7 Pelanggan yang Layak yang menutup akaun penyertaan sebelum pemilihan pemenang dan penyerahan Hadiah Kempen tidak berhak menerima sebarang Hadiah Kempen.
- 4.8 Hanya akaun penyertaan yang aktif layak menyertai Kempen ini. Akaun penyertaan yang berstatus tidak aktif (dorman) tidak akan diambil kira.



- 4.9 Keputusan Maybank berkaitan semua perkara yang berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau cubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.
- 4.10 Gambar-gambar Hadiah Kempen yang dipaparkan dalam mana-mana iklan, promosi dan bahan publisiti lain berkaitan Kempen ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar hadiah.
- 4.11 Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau waranti hadiah (mana-mana yang berkenaan) hendaklah diselesaikan secara langsung oleh pemenang dengan peniaga/pembekal tanpa melibatkan Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran kualiti atau waranti Hadiah Kempen atau mana-mana terma dan syarat berkaitan.
- 4.12 Semua Pelanggan yang Layak hendaklah bertanggungjawab secara peribadi terhadap semua cukai, kadar, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada.
- 4.13 Sekiranya terdapat sebarang pertikaian (kecuali pertikaian di bawah Klausa 4.9 di atas) berkaitan pengagihan hadiah atau kegagalan penerimaan hadiah, pemenang hendaklah menghubungi Khidmat Pelanggan Maybank di 1300 88 6688 dalam tempoh tiga (3) bulan selepas notifikasi pemenang dibuat iaitu Jun 2027 untuk membuat permohonan siasatan. Sebarang permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan iaitu selepas Julai 2027.

5 Terma dan Syarat Umum

- 5.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- 5.2 Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 5.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan



syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

- 5.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- 5.5 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.
- 5.6 Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- 5.7 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.



5.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.